

# HARIAN METRO – ISNIN 15 JANUARI 2018

## Selamat 120 gelandangan

Kuala Lumpur

Seramai 120 gelandangan diselamatkan dalam Operasi Bersepada Menyelamatkan Rakan Jalan yang dilakukan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kuala Lumpur, semalam.

Dalam operasi yang dijalankan bermula jam 1.30 pagi itu, 17 lokasi disasarkan termasuk Jalan Hang Lekiu, Chow Kit, Medan Tunku dan jalan Tun H S Lee.

Pengarah JKM Kuala Lumpur Wan Noraidah Wan Mohd Zain berkata, operasi itu dijalankan bagi menyelamatkan gelandangan yang terdiri daripada kanak-kanak, warga emas dan individu tempatan yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah.

"Dalam operasi ini, kami menyelamatkan 120 gelandangan termasuk 18 warga

asing yang berusia antara 17 hingga 50 tahun di 17 lokasi berkenaan.

"Semua gelandangan kemudian dibawa ke Pejabat Penguat Kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk tujuan dokumentasi sebelum diserahkan kepada agensi berikutan," katanya.

Wan Noraidah berkata, daripada jumlah itu, seramai lapan individu diambil pihaknya untuk tindakan lanjut dan sembilan lagi individu diserahkan kepada Agensi Antidzadah Kehangsaan (AADK) kerana positif pelbagai jenis dadah.

"Tahun lalu, kami menyelamatkan 1,915 rakan jalanan atau gelandangan berusia 31 hingga 50 tahun di sekitar ibu kota ini bagi tempoh Julai hingga Disember," katanya.